

02/10/1997

Miskinkan negara lain tidak berfaedah: PM

Manja Ismail in Santiago

SANTIAGO, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, tindakan golongan tertentu memiskinkan ekonomi negara lain sekarang tidak memberi faedah, sama ada kepada negara yang menjadi mangsa atau negara di mana orang terbabit tinggal.

Ini kerana mengadakan perniagaan dengan sebuah negara miskin tidak mendatangkan keuntungan, sebaliknya negara kaya, termasuk negara membangun yang kaya, boleh menjadi rakan dagang yang baik.

"Jika anda memiskinkan negara-negara ini, anda sebenarnya akan membunuh angsa yang bertelur emas. Anda tidak akan bekerjasama memiskinkan pasaran di mana anda berniaga," katanya pada Jamuan Gala sempena Mesyuarat Antarabangsa Ke-12 Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC), di Casa Piedra, di sini malam tadi.

Mesyuarat PECC, yang dianggotai oleh pegawai kerajaan, tokoh perniagaan dan ahli ekonomi dari 22 negara Pasifik itu, yang pertama kali diadakan di Amerika Selatan, dirasmikan oleh Presiden Chile, Eduardo Frei pagi semalam. Kuala Lumpur pernah menjadi tuan rumah mesyuarat majlis yang dianggap kumpulan pemikir Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik itu pada 1994.

Perdana Menteri percaya, PECC dan banyak lagi pertubuhan Pasifik yang anggotanya dari negara maju dan negara membangun mempunyai matlamat untuk sama-sama mendapat faedah daripada idea kerjasama itu - selain membantu dan bersama menikmati hasilnya.

"Krisis pasaran mata wang dan masalah yang dihadapi di negara Lingkaran Pasifik sekarang tidak akan membantu perniagaan anda atau negara di mana anda berniaga. Perniagaan memerlukan jangkaan dan pasaran barangan yang lumayan.

"Pengurus dana di sebalik penafian mereka, patut dipersalahkan dengan krisis dan keadaan ekonomi di negara Asia sekarang. Mereka dan kegiatan tidak beretika mereka tidak membawa sebarang kebaikan kepada anda. Anda tidak akan rugi jika mereka tiada," katanya.

Dr Mahathir yang menjelaskan secara terperinci serangan terhadap mata wang Asia Tenggara sekarang, menceritakan pengalaman Malaysia daripada sebuah negara bergantung kepada dua komoditi 30 tahun lalu, sehingga dianggap sebagai antara negara harimau Asia.

Walaupun ekonomi Malaysia masih kukuh, malah mendapat pengiktirafan Bank Dunia pada Jun lalu, kerana serangan terhadap mata wangnya, Malaysia tidak lagi boleh mengimport semua barangan yang pernah dibelinya dari negara rakan dagang.

Hakikatnya, manipulator mata wang menolak ekonomi Asia Tenggara antara 10 hingga 15 tahun kebelakang, rakyat yang tidak berdosa jatuh miskin kerana tindakan mereka dan manipulator kelihatan mampu memanipulasi sama ada secara sukarela atau diarah. Per kapita Malaysia dijatuhkan daripada AS\$5,000 (RM16,000) kepada AS\$3,600 (RM11,500) dalam dua bulan apabila ia memerlukan 12 tahun untuk mencapainya.

Beliau berkata, Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 23 peratus lagi mata wang untuk mendapatkan sebarang barangan yang pernah dibelinya sebelum ini, dan usaha mencari wang tambahan itu bukan mudah.

(END)